

**SOALAN NO : 48**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]**

**TARIKH : 8 Mac 2018**

**SOALAN : Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]**  
**minta MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status mengawal rabies di Kuching. Nyatakan semenjak mulanya wabak ini, dalam bentuk jadual jumlah kematian manusia. Dalam setiap bulan, nyatakan mengikut kawasan, jumlah serta jenis binatang yang telah ditangkap, dimatikan mahupun divaksin.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak kes pertama virus rabies dilaporkan pada Julai 2017, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah kawalan dan pencegahan penyakit Rabies di Sarawak seperti pemantauan pasif dan aktif, pemvaksinan, pemusnahan serta kesedaran awam.

Secara keseluruhan, sehingga 5 Mac 2018, pemantauan pasif dan aktif telah dilakukan di dalam lingkungan 10 km radius dari lokasi yang disahkan positif Rabies dan sebanyak 65,652 ekor haiwan (55,105 ekor anjing dan 10,547 ekor kucing) telah diperiksa. Jumlah pemvaksinan adalah sebanyak 56,583 ekor (48,550 ekor anjing dan 8,033 ekor kucing) dan jumlah pemusnahan adalah sebanyak 2,445 ekor anjing dan 85 ekor kucing yang disyaki Rabies. Kerja-kerja pemvaksinan, penangkapan dan pemusnahan haiwan telah dijalankan di sembilan (9) bahagian di Sarawak iaitu Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri, Sarikei, Bintulu, Samarahan, Betong dan Serian. Jumlah keseluruhan kes positif adalah sebanyak 95 dari 417 sampel haiwan yang telah diuji di Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh.

Sehingga 5 Mac 2018, bilangan kes rabies ke atas manusia yang telah dilaporkan adalah sebanyak tujuh (7) kes dengan enam (6) kematian dan kesemua kes berlaku di Negeri Sarawak. Kempen kesedaran berkaitan dengan rabies dan kawalannya telah dilakukan di kawasan yang terlibat Rabies dengan penyertaan sebanyak 44,435 orang penduduk.